

Lembaga Pengarah

Lembaga Pertubuhan Peladang

Ahli Lembaga Pengarah

Ahli-ahli lembaga dilantik oleh Menteri mengikut Seksyen 5(1), Akta LPP 1973 iaitu terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, Ketua Pengarah LPP dan enam orang ahli lain di mana tidak lebih daripada empat daripadanya hendaklah dari perkhidmatan awam. Berikut adalah Ahli Lembaga LPP yang dilantik dan berkhidmat pada tahun 2010.

Pengerusi



Y. Bhg. Tan Sri Dato' Haji Abu Zahar Bin Dato' Nika Ujang (Sehingga 31 Mac 2010)

P.S.M, D.S.N.S, A.M.N

Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga berkuatkuasa pada 1 April 2007 hingga 31 Mac 2010. Beliau pernah berkhidmat sebagai Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Pengerusi RISDA bagi tempoh 1998 hingga 2003. Jawatan yang masih disandang ialah Presiden Majlis Bekas Wakil Rakyat Malaysia (MUBARAK), Naib Presiden Majlis Veteran UMNO Malaysia, Timbalan Presiden Persatuan Peguam-Peguam Muslim Malaysia, Pengerusi Persatuan Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Cawangan Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa Pemegang Amanah Yayasan Pendeta Za'ba, Ahli Majlis Yayasan Golden Hope Plantations dan Ahli Majlis Pengakap Malaysia.



Y. Bhg. Dato' Haji Zainal Bin Dahalan

D.P.M.S., J.S.M., K.M.N., P.J.K.

Dilantik sebagai Pengerusi Lembaga berkuatkuasa pada 1 Jun 2010 bagi menggantikan Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar bin Nika Ujang yang telah dilantik sebagai Speaker Dewan Negara. Beliau pernah menjawat jawatan Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, dilantik sebagai Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Speaker Dewan Undangan Negeri Selangor. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Daerah Hulu Selangor, Timbalan Pegawai Kewangan Perbendaharaan Negeri Selangor, Penolong Ketua Pengarah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pegawai Daerah Sabak Bernam, Selangor dan Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur dan Ahli Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia.



TIMBALAN PENERUSI

Y. Bhg. Tan Sri Haji Abdul Rashid Bin Haji Abdul Rahman

S.S.M., P.S.M., S.S.A.P, P.J.N, D.S.A.P, S.M.P, K.M.N, A.M.N, P.P.N, P.J.K

Dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga pada tahun 1984 hingga kini. Beliau pernah berkhidmat sebagai Menteri Besar dan Timbalan Menteri Besar Negeri Pahang, Exco Kerajaan dan Ahli Dewan Negeri Negeri Pahang. Beliau adalah Pengerusi Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Kebangsaan(NAFAS) semenjak 24 Disember 1984.



SETIAUSAHA

Y. H. Dato' Hajah Mariam Mas Binti Yaacob

(SEHINGGA 3 JULAI 2010)

D.P.S.K., D.I.M.P J.S.M, A.M.N

KETUA PENGARAH

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Dilantik sebagai Ketua Pengarah pada 29 Mac 2009 sehingga 3 Julai 2010. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Pengarah di beberapa Bahagian LPP, Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasaan, Ketua Penolong Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Penolong Pengarah Pembangunan LPP. Beliau berpengalaman dalam bidang pertanian dan dilantik sebagai Ahli Lembaga FAMA.



Y.H. Dato' Haji Arpan Shah Bin Haji Satu

D.S.A.P., J.S.M., A.M.N.

KETUA PENGARAH

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Dilantik sebagai Ketua Pengarah pada 4 Julai 2010 bagi menggantikan Y.Bhg Dato' Hajah Mariam Mas binti Yaacob yang telah bersara wajib. Beliau pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan LPP, Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan LPP, Pengarah di beberapa Bahagian LPP, Pengarah LPP Negeri Kelantan, Timbalan Pengarah LPP Negeri Kelantan. Beliau juga pernah berkhidmat di LPP Wilayah Perak Selatan dan Bahagian Pentadbiran Kewangan LPP. Beliau juga adalah Ahli Lembaga FAMA.

AHLI-AHLI LEMBAGA (PERKHIDMATAN AWAM)



Y.Bhg. Datuk Roseley Bin Dato' Khalid

S.I.M.P., P.M.W., A.M.N.

KETUA PENGARAH

JABATAN PERTANIAN MALAYSIA

Y. Bhg. Datuk Roseley Bin Dato' Khalid telah dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 April 2008. Berpengalaman berkhidmat di pelbagai bahagian di Jabatan Pertanian. Jawatan-jawatan yang pernah disandang ialah sebagai Timbalan Ketua Pengarah Operasi dan Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Jabatan Pertanian, Pengarah di Bahagian Padi, Tanaman Industri dan Florikultur Jabatan Pertanian, Pengarah Bahagian Perancangan dan ICT Jabatan Pertanian dan pernah menjadi Atase Pertanian Malaysia dan Wakil Tetap Alternate Negara ke Food And Agriculture Organization (FAO) di Rome, Itali.



Y.Brs. Dr. Ibrahim Bin Abu Ahmad

TIMBALAN PENGARAH,

MALAYSIAN DEVELOPMENT INSTITUTE (MDI),

UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI

Y.Brs.Dr Ibrahim Bin Abu Ahmad dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Oktober 2008. Pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Bahagian di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Timbalan Pengarah di Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Timbalan Pengarah di Direktorat Pelaksanaan Negara (NID), Ketua Penolong Setiausaha Bahagian di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Ketua Penolong Setiausaha Bahagian di Jabatan Perdana Menteri.



Y.Brs. Puan Che Wan Binti Abdullah

SETIAUSAHA BAHAGIAN KHIDMAT SOKONGAN DAN PEMBANGUNAN INDUSTRI (KSI)

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Puan Che Wan Binti Abdullah dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Disember 2007. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian di Kementerian Pengajian Tinggi, Ketua Penolong Pengarah di MAMPU, Penolong Setiausaha di Kementerian Pertanian, Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi dan sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Perusahaan Utama.



Y.Bhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi Binti Yusoff

P.G.D.K

PENGARAH BAHAGIAN BELANJAWAN

KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Y.Bhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi Binti Yusoff dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Julai 2008. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Setiausaha Bahagian Ekonomi di Kementerian Kewangan, Timbalan Pengarah Seksyen Ekonomi Makro, Unit Perancang Ekonomi, Pengarah di Jabatan Pembangunan Industri, Suruhanjaya Tenaga dan Sebagai Ketua Penolong Pengarah di Unit Perancang Ekonomi.



AHLI-AHLI LEMBAGA

Y.B. Dato' Dr. Ku Abd Rahman Bin Ku Ismail

D.S.D.K., B.K.M.

AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI GUAR CHEMPEDAK, KEDAH

Y.B. Dato' Ku Rahman bin Ku Ismail dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 Ogos 2009. Beliau adalah Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Guar Chempedak, Kedah. Beliau pernah memegang jawatan tertinggi di beberapa syarikat swasta, pernah menyandang jawatan sebagai pegawai penyelidik di Institut Getah Malaysia, Pengurus Kanan Operasi dan Teknikal di MARDEC Berhad. Beliau juga pernah dilantik sebagai Setiausaha Politik kepada Menteri Pertahanan Malaysia dan Setiausaha Politik kepada Menteri Luar Malaysia.



Y.Bhg. Datuk Ahmad Bin Said

D.M.S.M

PENGARAH URUSAN AGROBANK

Y.Bhg. Datuk Ahmad bin Said dilantik sebagai Ahli Lembaga pada 1 April 2010. Beliau adalah Pengarah Urusan Agrobank yang dulu dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia. Sebelum dilantik sebagai Pengarah Urusan, beliau menjawat beberapa jawatan di Agrobank seperti Timbalan Pengurus Besar, Timbalan Presiden Ketua Pegawai Operasi, Pegawai Kredit, Pegawai Undang-undang, Pengurus Kanan Undang-undang. Beliau juga pernah menjadi Pengurus Cawangan Agrobank di Agrobank Klang dan Agrobank Banting.